

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 09 Julai 2021 15:09
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: NAIB CANSELOR UUM RASMI OPEN DAY MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 JULAI 2021 / 28 ZULKAEDAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohamad Nizwan Awang
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR UUM RASMI OPEN DAY MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)



UUM ONLINE: Pelbagai slot menarik yang disediakan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena Open Day telah dirasmikan oleh Naib Canselor Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani baru-baru ini secara dalam talian.

Beliau yang merasmikan program ini memuji langkah 39 ahli MPP yang bukan sahaja menyediakan 17 slot pengisian yang menarik malah turut menampilkan ahli panel dari jabatan dan pusat tanggungjawab kampus ini bagi berkongsi maklumat sambil menelusuri perjalanan MPP sepanjang enam bulan penggal perkhidmatan mereka pada sesi 2020/2021 ini.

Dr. Ahmad Bashawir berharap program bual bicara khas, tazkirah, diskusi intelektual, forum, townhall, buletin dan lain-lain acara yang telah disediakan itu bukan sahaja dapat memenuhi pengisian program malah memberi petunjuk bahawa barisan pemimpin pelajar dari universiti pengurusan ini juga terlatih dan bertanggungjawab dalam aspek kepimpinan selain daripada akademik.

“Pihak pengurusan universiti sentiasa mengharapkan barisan MPP khususnya dalam menjalankan tugas mereka tetap mengutamakan bidang akademik dan dapat berupaya mencapai kecemerlangan dalam semua perkara yang dilakukan,” ujarnya lagi.

Beliau menambah adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk melahirkan mahasiswa yang berketrampilan dari semua aspek samada akademik dan kepimpinan agar dapat membantu melahirkan generasi mahasiswa yang unggul dan progresif.

Oleh itu penganjuran Open Day MPP ini diharap dapat membantu pelajar kampus ini untuk mengetahui saluran mana mereka perlu mengutarakan pertanyaan atau permasalahan berbanding dengan penggunaan media sosial seperti Facebook, Telegram, WhatsApps dan lain-lain aplikasi.

Sementara itu Pengarah Program Open Day Muhammad Azri Mizra ketika dihubungi berkata, program yang dijalankan ini diharap memberi penjelasan kepada rakan-rakan mahasiswa mengenai peranan MPP yang sentiasa berusaha untuk menjadi perantara dengan pengurusan universiti dan KPT dalam menyalurkan pendapat, pandangan, aduan dan rungutan yang dihadapi pelajar.

“Sesungguhnya pelantikan ahli MPP UUM dalam Mesyuarat Senat menunjukkan keterbukaan pihak pengurusan untuk membabitkan wakil pelajar mengetahui perbincangan dan perlaksanaan yang dijalankan oleh pihak pengurusan termasuk membincangkan mengenai hal ehwal pelajar,” katanya lagi.

Sempena Open Day MPP ini antara program yang dijalankan ialah Borak Kopitiam, Bual Bicara Cakna Siswa, Buletin Persidangan Mahasiswa, Pembentangan Pelaksanaan Sistem E-Aduan, Tayangan Video Promosi dan Tutorial, Bual Bicara Keselamatan dan Kesihatan, Bacaan Yasiin Perdana, Tazkirah Maghrib, MPP Virtual Shop, Tayangan Perdana Video Korporat MPP UUM Sesi 2020/2021, Bual Bicara; Misi Pecutan Akhir Perkhidmatan MPP, Pembentangan Laporan Separuh Penggal Perkhidmatan MPP UUM dan lain-lain.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.